

150 tahun hubungan AS-Malaysia

UM - 12/6/2007.

Oleh G. MANIMARAN
(WARTAWAN UTUSAN)

BUKU *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960* karya Lt. Kol. (B) Mohd. Azzam Mohd. Hanif Ghows, dilancarkan tahun lalu, menghiasi meja di ruang berbincang di pejabat Duta Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia. "Ia buku yang menarik," kata Duta AS, Christopher J. LaFleur. Dalam pertemuan khas sempena sambutan lima dekad merdeka, seperti ketua-ketua diplomat asing yang pernah ditemui, beliau berkongsi sejarah hubungan kerjasama Washington dan Kuala Lumpur.

Apa yang menarik buku tersebut memriahkan lagi temu bual kasual dengan beliau baru-baru ini. Tajuknya juga menyentuh sebahagian lipatan sejarah Malaysia - darurat dan angkara komunis.

Pun begitu, LaFleur menggambarkan hubungan dua hala Malaysia dan AS sebenarnya telah bermula dengan ikatan perdagangan dan ekonomi sebelum merdeka lagi. Ia berkembang meliputi banyak sektor secara menyeluruh sejajar dengan keperluan sepanjang lima dekad lalu, tambah beliau.

Homer M. Byington memulakan perkhidmatan sebagai duta pertama ke Malaysia pada 1958. LaFleur, duta yang ke-16 ke Malaysia, mengunjungi Kuala Lumpur buat pertama kali 25 tahun lalu - setengah perjalanan sebelum Malaysia menyambut ulang tahun 50 tahun merdeka. Ketika itu LaFleur berkhidmat dengan Biro Hal Ehwat Asia Timur dan Pasifik.

Perbandingan landskap di Kuala Lumpur pada tahun 1972 dan sekarang sungguh menakjubkan dengan menara pencakar langit yang menceritakan dengan sendiri tentang kemajuan negara ini. Begitu juga dari segi hubungan dua hala sejak 1957 sehingga sekarang, jelas beliau.

Menurutnya, kerjasama dengan Malaysia marak dengan usaha dan sokongan yang diberikan oleh AS kepada negara-negara yang dijajah untuk merdeka.

"AS merupakan salah sebuah negara pasaran penting bagi barang-barang dari Malaysia. Kita mempunyai hubungan dalam bentuk tersebut. Tetapi dengan Malaysia mencapai kemerdekaan, hubungan kedua-dua negara memasuki dimensi baru," kata LaFleur yang berkhidmat sebagai duta di tanah air sejak Disember 2004.

"Kemungkinan (AS) merupakan peneraju menyahpenjajahan di seluruh dunia dan AS merupakan penyokong kuat kemerdekaan negara ini," kata beliau yang membawa ke era awal selepas kemerdekaan.

Dengan itu, jelas LaFleur: "Kami telah menghantar delegasi khas ke Kuala Lumpur pada sambutan Hari Kemerdekaan (pada 1957) dan membina hubungan dua... kami merupakan antara negara awal yang membina hubungan diplomatik dengan Malaysia," ujar beliau.



CHRISTOPHER J. LAFLEUR

Ketika sambutan ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada 30 Oktober 1966, Presiden AS ketika itu, Lyndon B. Johnson memulakan ucapannya dengan menyebut: "Saya merasakan saya mengetahui anda kerana Malaysia, seperti Amerika Syarikat, merupakan sebuah negara persekutuan yang merupakan negeri jajahan Great Britain dan disebabkan kerana Malaysia, seperti Amerika Syarikat, adalah sebuah negara yang terdiri kepelbagaian penduduk, berlainan agama, dan kelainan budaya.

"Di sini, seperti juga di Amerika, anda bekerja keras untuk mengurangkan ketegangan kaum supaya setiap orang boleh hidup aman."

Johnson, Presiden AS pertama melawat Malaysia menambah: "Walaupun saya merasakan saya tahu anda, saya datang ke sini untuk belajar daripada anda. Saya tahu bahawa negara anda merupakan model kepada kesungguhan dan pandangan jauh rakyat Asia Tenggara, dan bahagian-bahagian dunia yang lain.

"Anda dengan berani telah mengatasi pemberontakan komunis. Dan kemudian, di ruang yang anda merancang strategi perjuangan melawan (komunis), anda mengambil tindakan untuk keamanan."

"Anda mula membangunkan sebuah negara bebas dan makmur yang boleh membasmi kemiskinan dan sikap acuh tak acuh yang digunakan oleh pihak komunis untuk berkembang," kata Johnson.

Malah beliau turut menekankan: "Contoh daripada negara anda menawarkan harapan kami untuk masa depan."

Seiring dengan pandangan Johnson itu juga, LaFleur menghuraikan, Malaysia dan AS mempunyai ikatan kukuh untuk mengatasi masalah komunis yang di bahagian dunia sebelah sini.

"AS menyokong Malaysia untuk mengatasi



KUNJUNGAN Presiden Lyndon B. Johnson (kiri) ke Malaysia pada 30 Oktober 1966 dengan disambut oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (paling kanan). Lawatan bersejarah itu mengeratkan hubungan diplomatik yang bermula sejak 1957.



Malaysiaku Gemilang

Saya percaya kita boleh memberi jaminan untuk terus kekal sebagai rakan kongsi pada masa-masa akan datang

CHRISTOPHER J. LAFLEUR
Duta Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia

komunis dan Malaysia pula menyokong AS di Vietnam dalam usaha kami menyokong kerajaan Vietnam ketika itu," kata beliau yang melihat ia menunjukkan kedua-dua negara telah menjalin kerjasama politik yang erat.

Dari semasa ke semasa hubungan ini terus berkembang dan menjadi semakin rapat sepanjang lima dekad lalu, meliputi kerjasama dalam bidang ketenteraan dan pertahanan, sekali gus membantu kewujudan dan mempertahankan keselamatan.

Jelas beliau, "seperti beberapa negara maju yang lain, kerjasama ekonomi bertambah berkesan sejak 1970-an dengan banyak syarikat Amerika menceburi sektor perindustrian di Malaysia termasuk dalam bidang teknologi tinggi."

Pada 10 September 2004 dalam ucapan pengesahan pelantikannya di Jawatankuasa Senat Bagi Hubungan Luar, LaFleur telah menyifatkan hubungan AS dan Malaysia berada pada "haluan yang positif meskipun berlaku beberapa perselisihan masa lalu."

Dengan memetik kata-kata Perdana Men-

teri Abdullah Ahmad Badawi yang diucapkan dua bulan sebelum itu, LaFleur menambah, hubungan dua negara ini kini adalah pada "tahap yang terbaik pernah dilalui."

Selain Abdullah, pemimpin tertinggi kerajaan sebelum ini juga telah mengunjungi AS untuk mengeratkan hubungan dua hala, termasuk Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama.

Dari perspektif politik, menurut LaFleur, AS merupakan penyokong kuat negara-negara Asia Tenggara termasuk ASEAN bagi membantu kerjasama rapat.

"Pada hari ini kita bukan sahaja menyambut bersama 50 tahun merdeka, tetapi juga ulang tahun ke-30 kerjasama AS-ASEAN," katanya. "Ini menunjukkan kita mempunyai banyak sambutan pada tahun ini, yang menggambarkan kita mempunyai hubungan merangkumi tempoh yang panjang dan rekod kerjasama yang makin kukuh," katanya.

Seperti dengan beberapa negara lain yang hubungannya turun naik, AS dan Malaysia juga pernah melalui suasana sedemikian. Pe-

nyandang jawatan sebelum LaFleur, Marie T. Huhtala dalam ucapannya bertajuk *Let's Move Forward: The U.S.-Malaysia Bilateral Relationship* di ibu negara pada 23 Mei 2003 - dua bulan selepas pencerobohan AS ke atas Iraq berkata: "Hubungan dua hala AS-Malaysia adalah isu yang panas ketika ini."

Pun begitu, LaFleur melihat kedua-dua negara ini menikmati perjalanan hubungan dua hala kukuh sejak Malaysia merdeka.

"Saya merasakan mantap, hubungan yang saling bantu-membantu. Malaysia dan AS berkongsi nilai-nilai bersama meliputi ruang lingkup dan kepentingan luas."

Malaysia kini merupakan rakan kongsi ke-10 terbesar bagi AS - kedudukan yang sama taraf jika dibandingkan dengan beberapa negara Eropah iaitu Perancis dan Itali. Malah, AS merupakan antara negara utama Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi Malaysia, katanya.

Sebagaimana dijelaskan kepada Senat empat tahun lalu, beliau masih optimis dalam tempoh beberapa tahun akan datang hubungan AS-Malaysia akan bertambah erat seiring dengan kerjasama yang dipertingkatkan untuk menangani segala isu yang timbul demi mencapai keamanan, keselamatan dan kemakmuran bersama.

Dalam dimensi global yang semakin berubah, peranan kedua-dua negara turut mengeratkan lagi hubungan dua hala.

"Saya percaya kita boleh memberi jaminan untuk terus kekal sebagai rakan kongsi pada masa-masa akan datang.

"Kita merupakan rakan kongsi yang rapat dalam usaha-usaha menangani keganasan di dunia sebelah sini dan bahagian-bahagian lain," kata beliau yang turut mengakui keanggotaan Malaysia dalam banyak pertubuhan - sama ada yang dianggotai oleh AS ataupun sebaliknya - memanfaatkan Washington.

Dengan melihat Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang sedang dirundingkan, beliau yakin halangan-halangan perdagangan yang wujud akan dapat diatasi bagi hubungan dan kerjasama yang lebih erat.

"Saya akan mencari banyak ruang lagi untuk berkomunikasi secara lebih efektif dengan rakyat Malaysia dan begitu juga rakyat Malaysia dengan rakyat Amerika.

"Pokoknya, tidak ramai yang melihat dan memahami bahawa hubungan kedua-dua negara ini sebenarnya sangat rapat dan mantap, mungkin hasil paparan aspek negatif dalam skrin TV dan akhbar. Mungkin kami kena kerja lebih kuat lagi, secara efektif (untuk berkomunikasi)," kata beliau.

Lima dekad lalu Malaysia berada dalam sudut mengharap bantuan dari sokongan AS dalam banyak hal. Hari ini, kedudukan Malaysia bertambah jauh lebih baik, malah mampu untuk menghulurkan sokongan kepada Washington pula.

LaFleur mengakui situasi menggembirakan ini dengan merujuk sumbangan kecil tetapi bernilai ekoran malapetaka taufan Katrina tahun 2005.